

**Kempen Pengaktifan Visa Infinite UOBM**  
**Terma dan Syarat**

United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) ("UOBM") akan menganjurkan "Kempen Pengaktifan Visa Infinite UOBM 2019" ("Kempen") dari 11 Mac 2019 sehingga 31 Disember 2019 (termasuk kedua-dua tarikh), kecuali diberitahu sebaliknya ("Tempoh Kempen").

**Kelayakan**

1. Tertakluk kepada Klausa 2, Kempen ini adalah terbuka kepada pemohon kad utama Visa Infinite UOBM baru yang merupakan pemastautin Malaysia dan telah mencapai umur dua puluh satu (21) tahun ("Pemohon"), dan memohon untuk Kad Kredit Visa Infinite ("Kad Visa Infinite UOBM") dalam Tempoh Kempen.
2. Individu berikut tidak layak untuk Kempen ini:
  - (a) Ahli Kad di mana akaun ditamatkan, digantung atau dibatalkan dalam Tempoh Kempen;
  - (b) Semua kad tambahan Visa Infinite UOBM
  - (c) Sebarang akaun yang dipegang dengan UOBM yang delinkuen atau didapati tidak memuaskan seperti yang ditentukan oleh UOBM pada budi bicara mutlaknya;
  - (d) Individu yang tidak siuman atau menjadi tidak siuman, meninggal dunia, bankrap atau mempunyai prosiding undang-undang dalam apa-apa bentuk yang dilaksanakan terhadap mereka.

**Kelulusan Permohonan**

3. Pemohon-pemohon yang berjaya ("Pemohon Berjaya") adalah Pemohon yang mempunyai permohonan Kad Visa Infinite yang berjaya diluluskan dalam Tempoh Kempen ("Tempoh Kelulusan").
4. Bagi mengelakkan keraguan, mengenai permohonan Kad Visa Infinite UOBM, "berjaya diluluskan" bermaksud permohonan Kad Visa Infinite UOBM yang telah diluluskan oleh UOBM dan Kad Visa Infinite UOBM sedang atau telah dikeluarkan kepada Pemohon tersebut.
5. UOBM berhak sebagaimana yang dianggapkannya untuk meluluskan atau menolak mana-mana permohonan Kad Visa Infinite UOBM, dan/ atau dokumen sokongan seperti yang diminta oleh UOBM. Bagi mengelakkan keraguan, UOBM berhak sebagaimana yang dianggapkannya untuk menentukan sama ada dokumen-dokumen sokongan cukup jelas bagi tujuan kelulusan.
6. Tarikh tutup untuk permohonan Kad Visa Infinite UOBM adalah selewat-lewatnya pada 15 Disember 2019 ("Tarikh Tutup"). Borang permohonan fizikal Kad Visa Infinite UOBM yang lengkap hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan dokumen-dokumen sokongan yang jelas dan boleh dibaca seperti yang diminta oleh UOBM sebelum Tarikh Tutup. Pemohon boleh mengesahkan status kelulusan kad dengan menghubungi Pusat Talian UOBM di +6 03-26128 121 (Kuala Lumpur), +6 04-2401 121 (Penang), +6 07-2881 121 (Johor Bahru), +6 082-287 121 (Kuching) or +6 088-477 121 (Kota Kinabalu). Bagi mengelakkan keraguan:
  - (a) Jika permohonan atau dokumen sokongan Pemohon dihantar melalui faksimili, bukti penghantaran tidak bermakna bukti penerimaan oleh UOBM; dan

- (b) Jika permohonan atau dokumen sokongan Pemohon dihantar melalui kurier, UOBM tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa pengendalian yang tidak betul atau salah arahan dari mana-mana kurier.

### **Mekanik Kempen**

7. Tertakluk kepada terma dan syarat ini, Pemohon Berjaya yang memenuhi kriteria berikut ("Kriteria Kelayakan") ("Ahli Kad Layak") akan layak mendapat Baucar Tunai bernilai RM50 dalam bentuk 32,000 Mata Ganjaran UNIRinggit ("UNIRinggit") ("Ganjaran") apabila:
  - (a) Pemohon Berjaya mengaktifkan Kad Visa Infinite UOBM yang berjaya diluluskan dalam tempoh **enam puluh (60) hari** dari tarikh kelulusan Kad Visa Infinite UOBM; dan
  - (b) Pemohon Berjaya membuat pembelian runcit berjumlah minimum RM3,000 (Ringgit Malaysia Tiga Ribu) dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh kelulusan Kad Visa Infinite UOBM. Pembelian runcit boleh dibuat oleh Ahli Kad utama dan tambahan tetapi Ganjaran akan dianugerahkan and dikreditkan ke akaun Kad utama Visa Infinite UOBM.
8. Sejumlah 210 unit Ganjaran telah diperuntukkan bagi setiap Bulan Penyertaan semasa Tempoh Kempen seperti yang dinyatakan dalam Jadual A di bawah. Setiap Ahli Kad Layak berhak menerima maksimum satu (1) unit Ganjaran dalam Tempoh Kempen tanpa mengira jumlah pembelian runcit yang dibuat dengan Kad UOBM Visa Infinite. Pemenuhan Ganjaran adalah berdasarkan pertama kali datang pertama. Pemenuhan Ganjaran berdasarkan asas siapa-cepat-dia-dapat.

### **Jadual A**

<b>Bulan Penyertaan</b>	<b>Unit Ganjaran yang diperuntukkan</b>
11 Mac 2019 – 31 Mac 2019	210
1 April 2019 – 30 April 2019	210
1 Mei 2019 – 31 Mei 2019	210
1 Jun 2019 – 30 Jun 2019	210
1 Julai 2019 – 31 Julai 2019	210
1 Ogos 2019 – 31 Ogos 2019	210
1 September 2019 – 30 September 2019	210
1 Oktober 2019 – 31 Oktober 2019	210
1 November 2019 – 30 November 2019	210
1 Disember 2019 – 31 Disember 2019	210

9. Untuk tujuan Kempen ini, "pembelian runcit" bermakna pembelian apa-apa barang atau perkhidmatan (tempatan dan antarabangsa) dengan Kad Visa Infinte UOBM dan boleh pada budi bicara UOBM, termasuk apa-apa transaksi Kad Visa Infinite UOBM sebagaimana yang ditentukan oleh UOBM kecuali berikut:
  - (a) Pemindahan Baki;
  - (b) Pembelian Pelan Pembayaran Mudah;
  - (c) Pelan Pembayaran Balik Ansuran 0% kadar faedah
  - (d) Pelan Flexi-Credit
  - (e) Transaksi runcit yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak sah atau palsu;
  - (f) Pengeluaran wang tunai; dan

- (g) Bayaran yuran tahunan keahlian kad, pembayaran faedah, fi pembayaran lewat, caj untuk pengeluaran tunai, Cukai Jualan dan Perkhidmatan dan apa-apa bentuk perkhidmatan / pelbagai yuran menggunakan Kad Visa Infinite UOBM.

### **Pemenuhan Kempen**

10. Ganjaran akan dianugerahkan kepada Ahli Kad Layak mengikut jadual yang ditetapkan dalam Jadual B di bawah.

#### **Jadual B**

<b>Tarikh Kelulusan Kad Visa Infinite UOBM</b>	<b>Tempoh Kriteria Kelayakan dipenuhi</b>	<b>Tarikh Pemenuhan Ganjaran</b>
11 Mac 2019 – 31 Mac 2019	10 Mei 2019 – 30 Mei 2019	By 15 Julai 2019
1 April 2019 – 30 April 2019	31 Mei 2019 – 29 Jun 2019	By 15 Ogos 2019
1 Mei 2019 – 31 Mei 2019	30 Jun 2019 – 30 Julai 2019	By 15 September 2019
1 Jun 2019 – 30 Jun 2019	31 Julai 2019 – 29 Ogos 2019	By 15 Oktober 2019
1 Julai 2019 – 31 Julai 2019	30 Ogos 2019 – 29 September 2019	By 15 November 2019
1 Ogos 2019 – 31 Ogos 2019	30 September 2019 – 30 Oktober 2019	By 15 Disember 2019
1 September 2019 – 30 September 2019	31 Oktober 2019 – 29 November 2019	By 15 Januari 2020
1 Oktober 2019 – 31 Oktober 2019	30 November 2019 – 30 Disember 2019	By 15 Februari 2020
1 November 2019 – 30 November 2019	31 Disember 2019 – 29 Januari 2020	By 15 Mac 2020
1 Disember 2019 – 31 Disember 2019	30 Januari 2020 – 29 Februari 2020	By 15 April 2020

#### **Senario:**

Tarikh kelulusan kad Pemohon Berjaya adalah pada 11 Mac 2019. Untuk layak mendapat Pulangan Tunai, Pemohon Berjaya harus memenuhi Kriteria Kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 7 (a) dan (b).

60 hari dari tarikh kelulusan pada 11 Mac 2019 adalah 10 Mei 2019. Jadi, Pemohon Berjaya harus memenuhi Kriteria Kelayakan pada 10 Mei 2019. Pemenuhan Ganjaran akan dibuat pada 15 Julai 2019 dengan mengkreditkan UNIRinggit ke dalam akaun Kad Pemegang Kad utama.

11. UOBM berhak untuk:

- (a) membatalkan Ganjaran sekiranya terdapat pembalikan entri pembelian runcit atau penamatkan Kad Visa Infinite UOBM sebelum Ganjaran diberikan kepada Ahli Kad Layak atau ketidakpatuhan atau pelanggaran terma dan syarat ini atau terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad Visa/ MasterCard UOB ("Perjanjian Ahli Kad") dengan notis terlebih dahulu tanpa memberikan apa-apa sebab;
- (b) menggantikan Ganjaran dengan mana-mana produk yang bernilai sama dengan memberi notis terlebih dahulu;

## **Terma dan Syarat Am**

12. Dengan menyertai Kempen ini, Pemohon bersetuju terikat dengan terma dan syarat ini termasuk apa-apa pindaan dan / atau variasi kepadanya, terma dan syarat Kad Visa Infinite UOBM dan terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad ("Generic T&C"). Jika terdapat sebarang ketidakseragaman di antara terma dan syarat ini dan *Generic T&C* berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan diguna pakai.
13. Rekod transaksi dikekalkan oleh UOBM dan keputusan UOBM mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan mengikat Pemohon. UOBM tidak bertanggungjawab untuk memberi sebarang alasan atau membuat apa-apa surat-menyurat dengan mana-mana orang mengenai apa-apa perkara berkaitan Kempen. Tiada rayuan dan/atau surat-menyurat dari mana-mana Pemohon atau mana-mana pihak ketiga akan dilayan.
14. UOBM tidak bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, MasterCard Worldwide, pertubuhan pedagang, pihak pos atau telekomunikasi yang berkuasa atau mana mana pihak lain yang mungkin menyebabkan Pemohon tersingkir daripada pemenuhan Ganjaran semasa Tempoh Kempen.
15. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, waranti atau pengendorsan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada penerbitan dalam mana-mana media awam, bahan pemasaran atau pengiklanan besar-besaran, termasuk tetapi tidak terhad kepada, apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Kempen ini dan Pulangan Tunai di bawah Kempen ini.
16. UOBM tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa interpretasi yang salah atau salah nyataan fakta berkenaan dengan Kempen dan/ atau Ganjaran yang diterbitkan di dalam mana-mana media, pemasaran atau pengiklanan.
17. UOBM tidak akan bertanggungjawab dan tidak menanggung sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekali pun yang timbul atau dialami oleh Pemohon dan/atau pihak ketiga akibat secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen.
18. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan antara terma dan syarat ini dengan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan Kempen, terma dan syarat ini akan diguna pakai.
19. UOBM berhak untuk menambah, memadam atau mengubah terma dan syarat Kempen ini, dari semasa ke semasa, keseluruhannya atau sebahagiannya, mengikut budi bicara mutlaknya, dengan menyediakan dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Pemohon melalui paparan di laman web UOBM, memaparkan notis di mana-mana cawangan UOBM dan/atau memasukkan pernyataan dalam pernyataan Akaun atau apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa.

20. UOBM berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum tamat Tempoh Kempen, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan Kempen oleh UOBM tidak melayakkan Pemohon untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOBM untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pemohon sama ada sebagai langsung atau akibat tidak langsung dari apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan.
21. Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pemohon bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

- TAMAT -